

قجابت ستياءوسها كراجان قهغ

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

WISMA SRI PAHANG

25503 KUANTAN

PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 09-5126600

Faks : 09-5726174

Laman Web : www.pahang.gov.my

E-mel : sukkorporat@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : SUKPHG-2-700-18/1/1 (67)

Tarikh : 27 Zulkaedah 1447H

15 Mei 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato'/ YH Dato'/ Tuan/ Puan,

HEBAHAN PENDAFTARAN DAN PENGEMASKINIAN DATA USAHAWAN MELALUI SISTEM MAKLUMAT USAHAWAN (SMU) PAHANG

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Sistem Maklumat Usahawan (SMU) Pahang merupakan satu sistem yang telah dibangunkan oleh pihak Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang bagi tujuan merekod, menyelaraskan dan mengumpulkan data maklumat usahawan di seluruh Negeri Pahang secara berpusat. Walau bagaimanapun, pentadbiran ini mendapati bahawa sebahagian data dan maklumat usahawan yang terdapat di dalam sistem tersebut masih belum dikemaskini dan tidak lengkap.

3. Sehubungan itu, selaras dengan usaha penambahbaikan dan pembangunan semula Sistem SMU yang sedang dilaksanakan, pentadbiran ini berhasrat untuk menjadikan sistem ini sebagai pusat rujukan utama berkaitan maklumat usahawan Negeri Pahang yang boleh digunakan oleh jabatan, agensi kerajaan serta masyarakat umum. Melalui sistem ini juga, pelbagai hebahan dan maklumat berkaitan pembangunan usahawan akan disalurkan kepada usahawan yang berdaftar.



Ruj. Kami: SUKPHG-2-700-18/1/1 (67), bertarikh: 27 Zulkaedah 1447H/ 11 Mei 2026

4. Justeru, pentadbiran ini memohon jasa baik pihak YB Dato'/ YH Dato'/ tuan/ puan, untuk membantu dalam membuat hebahan bagi pendaftaran dan pengemaskinian data melalui sistem tersebut. Bersama-sama ini juga disertakan poster hebahan sepertimana di **Lampiran A** untuk rujukan, perhatian dan hebahan kepada semua orang awam melalui medium yang bersesuaian seperti:

- a) Paparan di papan kenyataan pejabat dan premis awam;
- b) Hebahan melalui media sosial rasmi rasmi jabatan dan agensi;
- c) Perkongsian dalam kumpulan komuniti setempat; dan
- d) Hebahan kepada usahawan serta orang awam yang berurusan di pejabat daerah dan agensi berkaitan.

5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pihak YB Dato'/ YH Dato'/ tuan/ puan boleh menghubungi **Encik Amir Syafiq Bin Abd Hamid** di talian **09-5126707**.

6. Segala kerjasama dan perhatian pihak YB Dato'/ YH Dato'/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"Mudah, Cepat, Telus"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NORLIZA BINTI MOHAMED ALI)

Setiausaha Bahagian


Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT PEJABAT SUK PAHANG			
18 MAY 2026			
KPS (P)	<input type="checkbox"/>	KPS (O)	<input type="checkbox"/>
PSUK (P)	<input checked="" type="checkbox"/>	PSUK (O)	<input type="checkbox"/>
PSUK (A1)	<input checked="" type="checkbox"/>	PSUK (TK)	<input type="checkbox"/>
PSUK (A2)	<input type="checkbox"/>	PSUK (PD)	<input type="checkbox"/>
PSUK (P/L)	<input type="checkbox"/>	KPT	<input type="checkbox"/>
PTM (D)	<input type="checkbox"/>		

Untuk makluman &
tindakan.

18/5/26



PERHATIAN

USAHAWAN PAHANG!

**PENDAFTARAN &
KEMASKINI DATA**

USAHAWAN PAHANG

SISTEM MAKLUMAT USAHAWAN (SMU) PAHANG



BELUM DAFTAR?

DAFTAR
SEKARANG!

OR

SUDAH DAFTAR?

KEMASKINI
MAKLUMAT ANDA!



KENAPA PERLU DAFTAR / KEMASKINI?



MAKLUMAT TERKINI
USAHAWAN



GERAN, PEMBIAYAAN
& BANTUAN



LATIHAN, KURSUS &
PROGRAM



INFO PROGRAM
PEMBANGUNAN
USAHAWAN



**IMBAS KOD QR
ATAU LAYARI:**

smu.pahang.gov.my

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:



09 - 512 6707



upu.bpen@pahang.gov.my



UNIT PEMBANGUNAN USAHAWAN
TINGKAT 4, BLOK B, BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG



IMBAS DI SINI



SMU
Sistem Maklumat Usahawan

